

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HMP 406 Analisis Wacana

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan. **SATU** [1] dari Bahagian A dan pilih **TIGA** [3] dari Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Teliti Petikan 1 (m.s. 3) jawab **soalan (a)** dan **soalan (b)**.

[a] Analisis kekoherenan wacana berikut dari aspek elemen-elemen linguistik; khususnya, dengan menggunakan alat-alat kohesifnya. (Lampirkan teks wacana ini bersama skrip jawapan anda)

[30 markah]

[b] Bincangkan corak tema dan rema di dalam perenggan akhir petikan 1 (baris 47 hingga baris 51).

[10 markah]

BAHAGIAN B

2. Apakah yang dimaksudkan dengan ‘wacana’? Huraikan dengan jelas bagaimanakah yang dikatakan sesuatu wacana itu utuh. Beri jawapan anda berdasarkan pandangan Guy Cook (1989).

[20 markah]

3. Sejauh manakah Prinsip Bekerja Sama dan Prinsip Kesopanan perlu dipatuhi oleh pewacana untuk menghasilkan komunikasi interaktif yang berkesan?

[20 markah]

4. ‘Analisis Perbualan’ dikatakan sebagai satu kajian akademik, bukan satu kajian pedagogi. Bincangkan.

[20 markah]

5. Pilih dua daripada perkara berikut. Jelaskan kedua-dua perkara tersebut dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai dan memadai:

- [a] fungsi bahasa
- [b] struktur informasi
- [c] ayat di dalam wacana
- [d] cara bergiliran
- [e] praanggapan

[20 markah]

